

01 JUN 1996
Thai-bebas
SEBANYAK 44 TAHANAN THAI YANG DIBEBASKAN PULANG

RANTAU PANJANG, 1 Jun (Bernama) -- Empat puluh empat rakyat Thailand yang ditahan di beberapa buah penjara di seluruh negara menyeberangi "Jambatan Muhibah" di sini hari ini untuk kembali ke tanah air mereka selepas Malaysia membebaskan mereka sebagai tanda persahabatan dengan negara jirannya itu.

Pada satu upacara ringkas tetapi bermakna di jambatan berkenaan, Gabenor Narathiwat, Sawat Kritratchatanan berterima kasih kepada Malaysia kerana menunjukkan tanda persahabatan itu dan menasihatkan para banduan yang mendapat keampunan itu supaya memulakan kehidupan baru di tanah air mereka.

"Ini ialah satu tanda kerjasama yang baik antara Malaysia dan Thailand...kita telah bekerjasama dalam banyak perkara," kata beliau kepada pemberita. Para pegawai Jabatan Imigresen dan Jabatan Penjara Malaysia turut hadir.

Secara kebetulan, jambatan berusia 23 tahun itu, yang menghubungkan bandar sempadan ini di sebelah Malaysia dan Sungai Goloka wanita, boleh kembali ke pangkuan keluarga masing-masing dan mendapatkan pekerjaan yang halal seperti bertani atau menjadi nelayan.

"Saya ingin melihat mereka mendapat pekerjaan yang baik dan halal," kata beliau.

Ketika beliau berucap itu, beberapa orang banduan kelihatan memeluk keluarga mereka, kebanyakan mereka menitikkan air mata.

Bilangan 44 banduan yang dibebaskan hari ini ialah lima orang lebih ramai daripada yang diumumkan sebelum ini. Mereka dipenjarakan kerana pelbagai kesalahan termasuk menceroboh perairan Malaysia untuk menangkap ikan serta kes-kes yang berkaitan dengan dadah dan Imigresen.

Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali mengumumkan pada hari Khamis bahawa Malaysia akan membebaskan 39 banduan Thailand sebagai tanda persahabatan sempena ulang tahun ke-50 Raja Bhumibol Adulyadej menaiki takhta.

Upacara hari ini juga bersempena dengan hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Banduan-banduan yang dibebaskan itu, yang telah menjalani sebahagian besar daripada tempoh tahanan mereka, dibawa ke sini dengan tiga buah bas dari Penjara Pengkalan Chepa, dekat Kota Bharu.

Mereka tiba di Kelantan semalam dari penjara-penjara di Pulau Pinang, Alor Setar, Taiping, Simpang Renggam, Muar, Kajang, Peramu dan Marang, kata seorang pegawai penjara.

Berikutan perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya daripada Thailand Banharn Silpa-Archa di Kuala Lumpur baru-baru ini, Halim berkata banduan-banduan Thailand berkenaan dipilih daripada beberapa penjara berdasarkan kepada keutamaan kes-kes mereka. Mereka telah diampunkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan ketua negeri-negeri yang berkenaan.

Halim berkata ini ialah kali pertama Malaysia mengambil langkah sedemikian dan Banharn menyambut baik petanda persahabatan itu.

Raja Bhumibol, raja yang paling lama bertakhta di dunia, akan menyambut ulang tahun itu pada 6 Jun.

-- BERNAMA
AZZ MZ AKD